

UMNO diarah kemaskan jentera

KOTA BAHARU, Ahad — Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaakob, mengarahkan semua peringkat UMNO di negeri ini menyusun jentera parti bagi mengemaskan lagi strategi menghadapi perkembangan-perkembangan politik semasa.

Katanya, penyusunan jentera itu juga mesti meliputi jawatankuasa-jawatankuasa peti undi di setiap kawasan.

Datuk Haji Mohamad berkata, walaupun pilihanraya telah selesai, ahli-ahli UMNO janganlah lupa atau lalai tentang tanggungjawab masing-masing terhadap parti.

"Sungguhpun kita

telah mencapai kejayaan dalam pilihanraya lalu, kita tidak boleh leka kerana pilihanraya bukanlah matlamat terakhir perjuangan kita," tambahnya.

Datuk Haji Mohamad berkata demikian ketika berucap di majlis kesyukuran kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu anjuran bersama UMNO cawangan Pauh Butut dan Kubang Kacang Pendek, di balai raya Kampung Pauh Butut, dekat sini, petang semalam.

"Kita mesti memastikan jentera parti di setiap kawasan berjalan lancar dan lebih kemas," jelasnya.

Mengenai kejayaan Presiden Pas, Datuk Haji Mohamad Asri Haji Muda, mengetuai barisan pembangkang di Dewan Undangan Negeri Kelantan selepas memenangi kawasan Kubang Kerian dalam pilihanraya lalu, Menteri Besar menasihatkan ahli-ahli UMNO jangan gentar dengan kedudukan itu.

"Kita juga mempunyai ramai pemimpin berkaliber yang dapat menyaingi ketokohan pemimpin Pas itu," ujarnya.

Menteri Besar itu mahu ahli-ahli UMNO bertindak berpandukan slogan Barisan Nasional — Bersih, Cekap dan Amanah.

Terdahulu dari itu, Ahli Parlimen Nilam Puri, Datuk Haji Mohamad Haji Ali, berkata terdapat beberapa orang ahli UMNO yang cuba menyeleweng dalam pilihanraya lalu.